



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)**

Bilangan 7 Tahun 2022

**PEKELILING PELAKSANAAN MENU MAKANAN KELUARGA
MALAYSIA (*FOOD BASKET* SISWA KELUARGA MALAYSIA) BAGI
PREMIS / GERAI / KAFETERIA MENJUAL MAKANAN DI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Menu Makanan Keluarga Malaysia (*Food Basket* Siswa Keluarga Malaysia) yang dikenali sebagai “Program Menu Keluarga Malaysia” di premis / gerai / kafeteria menjual makanan di UiTM.

LATAR BELAKANG

1. Agenda Menu Makanan Keluarga Malaysia (*Food Basket* Siswa Keluarga Malaysia) adalah agenda pihak Kementerian Pegajian Tinggi (KPT) bagi menangani isu dan cabaran kenaikan kos sara hidup siswa dan siswi yang sedang melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi di Universiti Awam, Institusi Pengajian Tinggi (IPTs), Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) telah membuat edaran surat kepada TNC HEPA UA pada 8 Julai 2022 bagi mengemukakan maklumat berhubung inisiatif menangani kenaikan kos sara hidup siswa di IPT.
3. Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia peringkat KPT dan IPT ditubuhkan untuk menyelaraskan dan melaksanakan dasar, memantau kawalan harga barang dan perkhidmatan dalam kalangan pelajar serta membentuk jaringan kolaborasi dengan pihak berkepentingan secara holistik.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia Bil1/2022 Kementerian Pegajian Tinggi telah diadakan pada 12 Julai 2022 di Bangunan Canselori Universiti Kebangsaan Malaysia bagi membuat perincian yang lebih jelas berhubung isu berkenaan.
5. Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 21/2022 pada 13 Julai 2022 telah berkeputusan meluluskan memberikan pengecualian sewa ruang selama enam (6) bulan mulai 01 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022 kepada penggerai yang menyertai Program Menu Keluarga Malaysia.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengecualian sewaan ruang niaga di UiTM selama enam (6) bulan bagi tempoh 01 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022 adalah diberikan melalui kelulusan Jawatankuasa Ruang Niaga (JKRN) seperti berikut: -

Pengecualian sewaan ruang niaga diberikan kepada:

1. Penyewa Ruang Niaga bagi premis / gerai / kafeteria menjual makanan di UiTM yang menyertai Program Menu Keluarga Malaysia;
2. Penyewa Ruang Niaga bagi premis / gerai / kafeteria yang tidak mempunyai hutang sewaan ruang sahaja. Tiada tunggakan sewaan dalam tempoh kontrak berkenaan;
3. Sekiranya pihak penyewa telah menjelaskan sewaan, pihak Pejabat Bendahari / Pejabat Bendahari Cawangan UiTM hendaklah memulangkankembali / (*refund*) bayaran sewaan bagi tempoh berkenaan;
4. Pengerusi Jawatankuasa Ruang Niaga (JKRN) UiTM Cawangan perlu berbincang jika pihak Penyewa Ruang Niaga mempunyai tempoh kontrak berbaki lebih enam (6) bulan dan ke atas untuk membuat keputusan seperti berikut: -
 - a. Memilih untuk menggunakan kaedah bayaran moratorium (penangguhan pembayaran sewa); atau
 - b. Memilih agar bayaran sewaan yang telah dijelaskan dipulangkan.
5. Pengecualian ini adalah diberikan bagi kadar sewaan ruang premis / gerai / kafeteria sahaja tidak termasuk caj utiliti sekiranya dikira secara berasingan (berdasarkan kontrak).

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling ini dikeluarkan pada 4 Oktober 2022.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini hendaklah digunapakai oleh seluruh sistem Universiti Teknologi MARA berkuatkuasa pada 01 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



PROF DATO' IR TS DR MOHD FOZI ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Semua Penolong Rektor Kampus UiTM

Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam

Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Negeri / Cawangan

Semua Setiausaha Jawatankuasa Ruang Niaga UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-PPII (JPPH 6/7/4)